



PENDEKATAN KEAGAMAAN DAN KESEJAHTERAAN ROHANI TERAS PENCEGAHAN HIV & AIDS: PERSPEKTIF RESPONDEN HIV/AIDS

Oleh

Prof. Madya Dr. Nurdeng Deuraseh & Dr. Amaludin Ab. Rahman
Institut Penyelidikan Produk Halal UPM &
Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putera Malaysia
Email: nurdeng@putra.upm.edu.my

ABSTRAK

Latar belakang: Penularan HIV dan AIDS di seluruh dunia seperti yang dilaporkan dalam *Global Summary of the AIDS Epidemic (UNAIDS, 2006)*, iaitu “orang yang hidup dengan HIV/AIDS di seluruh dunia berjumlah 39.5 juta, di mana sebanyak 8.6 juta daripada mereka dianggarkan dari Asia. Di Asia Selatan dan Asia Tenggara, anggaran bilangan orang yang hidup dengan HIV/AIDS adalah sebanyak 7.8 juta”, telah memberi impak besar dalam kehidupan manusia termasuk sistem pendidikan Malaysia selepas Kementerian Pendidikan Malaysia telah bersetuju pengajaran pendidikan seks dijadikan sebahagian kurikulum pendidikan di peringkat sekolah kebangsaan dan sekolah menengah. Walaupun pelbagai punca penyebaran virus HIV sehingga seseorang berpenyakit AIDS telah dikenalpasti tetapi umumnya masyarakat Melayu Islam mempersepsi bahawa punca utama penyebaran HIV/AIDS adalah daripada amalan seks tidak sihat sama ada homoseksual atau heteroseksual serta juga daripada penagihan dadah yang menggunakan jarum suntikan. **Objektif & Metodologi:** Objektif utama kajian ialah mendapatkan pendapat dan persepsi responden HIV&AIDS mengenai keagamaan dan kesejahteraan rohani (spirit) bagi menangani penyebaran penyakit HIV/AIDS. Untuk merealisasikan objektif ini, pengkaji telah menggunakan kaedah temu bual. Soalan-soalan yang dibina dalam temu bual adalah berdasarkan objektif utama dan telah diajukan kepada pesakit AIDS atau pembawa HIV di Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN). Antaranya ialah Apabila anda telah disahkan sebagai penghidap penyakit AIDS atau pembawa HIV, adakah anda tahu mengenai HIV/AIDS? Apakah punca penyakit yang dialami oleh anda? Seterusnya mereka diminta memberi pendapat dan justifikasi secara bertulis terhadap kenyataan “Saya bersetuju/tidak bersetuju/tidak pasti (sila pilih yang paling sesuai) bahawa agama dan kesejahteraan rohani (spirit) remaja masa kini boleh membantu untuk mencegah remaja tersebut daripada penyakit AIDS atau pembawa HIV. **Hasil Kajian:** Didapati, langkah-langkah yang dilakukan untuk mencegah HIV/AIDS melalui program yang dilaksanakan ke atas mangsa-mangsa HIV/AIDS seperti mengurangkan bekalan dadah dan penguatkuasaan undang-undang seringkali kurang berkesan. Dalam hal ini, tidak dapat dinafikan pendekatan dan kaunseling keagamaan kepada pesakit AIDS atau pembawa HIV di kalangan orang Islam amat sesuai selaras dengan kepercayaan responden. Ia boleh mencegah daripada penularan HIV/AIDS kepada masyarakat awam dan juga membantu pesakit AIDS dan pembawa HIV dapat menjalankan

aktiviti seperti orang lain kerana ada jangka hidup pembawa HIV mungkin akan panjang.

Kata Kunci: Kaunseling, Pencegahan, Agama; Rohani; HIV & AIDS, Islam

PENGENALAN

Pelbagai langkah atau pendekatan telah diambil untuk merawat dan mencegah daripada penyebaran HIV/AIDS. Antaranya ialah langkah mengurangkan bekalan dadah dan penguatkuasaan undang-undang. Kajian yang dibuat di kawasan serantau menunjukkan bahawa langkah-langkah yang dilakukan untuk mencegah HIV/AIDS melalui program yang dilaksanakan ke atas mangsa-mangsa HIV/AIDS seperti mengurangkan bekalan dadah dan penguatkuasaan undang-undang seringkali tidak berkesan (Reid dan Costigan 2000; Asia (Swarup Sarkar et. al., 2004 : 128-9). Ini disebabkan, penyalahgunaan dadah dan pemilikan jarum mempertingkatkan perkongsian jarum suntikan (Reid dan Crofts, 2000) dan seterusnya akan menyebabkan penagih dadah lebih terdedah kepada HIV dan AIDS.

Tidak dapat dinafikan kaunseling dan pendekatan keagamaan adalah sesuai selaras dengan kepercayaannya. Ia boleh membantu pesakit AIDS dan pembawa HIV dapat menjalankan aktiviti seperti orang lain kerana ada jangka hidup pembawa HIV mungkin akan panjang. Memandangkan orang Melayu dipengaruhi oleh agama Islam, maka agama Islam juga boleh dijadikan penawar dan menyelesaikan masalah ini. Apatah lagi apabila, secara tradisi, masyarakat Islam merupakan ajaran keagamaan yang menekankan aspek kerohanian dan spiritual iaitu mementingkan kesejahteraan hidup melalui amalan penjagaan kesihatan berdasarkan kepada syariah. Kitab al-Quran yang diwahyukan kepada Nabi Muhammad SAW adalah sumber keagamaan dan kesejahteraan sebagaimana yang di sebut dalam surah al-Baqarah ayat 2:

"Kitab al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang yang bertakwa."

al-Baqarah 2: 2

Berteraskan kepada konsep "al-wiqayah khairun min al-'ilaj" iaitu pencegahan lebih baik daripada rawatan, maka tidak hairanlah prinsip ini telah ditegaskan dalam keseluruhan ayat-ayat al-Quran apabila masyarakat Islam dilarang menghampiri perbuatan maksiat iaitu perkara-perkara yang dapat mendatangkan kemudaratan kepada manusia.

"Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan)."

al-Isra' 17: 32

"Wahai rasul-rasul, makanlah dari benda-benda yang baik lagi halal dan kerjakan lah amal-amal salih; sesungguhnya Aku Maha Mengetahui akan apa yang kamu kerjakan."

al-Mu'minun 23: 51

METODOLOGI

Surat pekeliling ketua pengarah kesihatan Malaysia Bil 1/2011, bertarikh 28 Februari 2011, no. Rujukan (21)d/m.KKM-171/BKP/07/35/0519 Jld.3, menjelaskan bahawa penghuni Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) adalah antara kumpulan sasaran ujian HIV memandangkan mereka bersiko tinggi HIV/AIDS. Untuk menyahut cabaran ini, maka kajian dijalankan di kalangan penghuni PUSPEN Sg. Besis, PUSPEN Jeli, PUSPEN Bachok dan PUSPEN Besut. Keutamaan diberikan kepada pesakit AIDS atau pembawa HIV yang telah memenuhi ciri-ciri yang telah ditetapkan oleh pengkaji berikut:

- i. Mempunyai pengalaman tinggal di PUSPEN.
- ii. Perlu sekurang-kurangnya mempunyai kekerapan masuk ke PUSPEN sebanyak sekali dan ke atas.
- iii. Terdiri daripada pembawa HIV atau AIDS.
- iv. Sampel kajian perlu memahami peraturan asas dalam Bahasa Malaysia atau Inggeris memandangkan kajian ini turut menggunakan keadah temu bual mendalam (in-depth interview).

OBJEKTIF

Kaedah temu bual ini mempunyai tujuan utama ialah mengetahui secara mendalam sama ada agama dan kesejahteraan rohani (*spirit*) remaja masa kini boleh membantu untuk mencegah remaja daripada penyakit HIV/AIDS atau sebaliknya. Selain itu, responden turut ditanya mengenai pengetahuan mereka tentang HIV/AIDS setelah disahkan sebagai penghidap penyakit tersebut. Responden juga diajukan soalan berkenaan punca mereka boleh mendapat jangkitan tersebut.

DAPATAN KAJIAN & PERBINCANGAN

Profil Responden

Jadual 1. Profil Demografi Responden Temu Bual

Faktor Demografi		Kekerapan	% (n=103)
Lokasi	PUSPEN Jeli	29	28.2
	PUSPEN Bachok	13	12.6
	PUSPEN Besot	31	30.1
	PUSPEN Sungai Besi	30	29.1
Etnik	Melayu	94	91.3
	Cina	9	8.7
Pengetahuan Mengenai HIV/AIDS Setelah Disahkan Sebagai Penghidap	Tahu	58	56.3
	Tidak Pasti	4	3.9
Punca Mendapat Penyakit HIV/AIDS	Tidak Tahu	11	10.7
	Tidak Berkaitan	30	29.1
	Perkongsian Jarum Semasa Penagihan Dadah	49	47.6
	Perkongsian Jarum Semasa Penagihan Dadah dan Seks Bebas	15	14.6
	Seks Bebas	4	3.9
	Tiada	5	4.9
	Tidak Berkaitan	30	29.1

Jadual 1 menunjukkan temu bual ini telah melibatkan seramai 103 responden yang dipilih secara pensampelan mudah. Daripada jumlah ini, 73 orang responden adalah daripada PUSPEN Jeli (29 orang), Bachok (13 orang), Kelantan, Besot (31 orang), Terengganu dan Sg. Besi (30 orang). Daripada keseluruhan responden ini, responden Melayu adalah seramai 94 orang dan responden Cina adalah seramai 9 orang.

PENGETAHUAN TENTANG BAHAYA HIV/AIDS

Perkhidmatan kaunseling keagamaan boleh diperkenalkan dalam membantu pesakit HIV dan AIDS merancang semula kehidupan mereka. Sebagai pembawa HIV atau penghidap AIDS, mereka perlu mengetahui tentang HIV dan AIDS kerana ia dapat membendung penyebarannya dan seterusnya membantu pesakit menyesuaikan diri dengan penyakit berbahaya ini. Dalam usaha mengetahui perkara tersebut, responden ditanya mengenai pengetahuan tentang HIV/AIDS setelah mereka disahkan sebagai penghidap penyakit ini dan didapati seramai 58 orang responden mengetahui bahaya penyakit HIV/AIDS, manakala seramai 11 orang responden tidak mengetahuinya dan 4 responden memberikan jawapan tidak pasti.

PUNCA JANGKITAN PENYAKIT HIV/AIDS


Virus HIV atau singkatan kepada *Human Immunodeficiency Virus* boleh berjangkit melalui pelbagai cara tetapi di Malaysia seperti diperolehi melalui kajian literatur serta disahkan oleh pembawa HIV dan pesakit AIDS, penyakit ini disebarkan melalui pengambilan dadah dan hubungan seks. Apabila responden daripada PUSPEN ditanya mengenai punca jangkitan penyakit HIV/AIDS yang sedang mereka hidapi, mereka secara jujur, iaitu seramai 49 orang responden mengakui bahawa perkongsian jarum semasa menagih dadah adalah punca kepada jangkitan penyakit mereka. Manakala seramai 15 orang responden mengakui bahawa perkongsian jarum semasa menagih dadah dan pada masa yang sama mengamalkan amalan seks bebas merupakan punca mereka dijangkiti. Seramai 4 orang responden pula mengakui punca jangkitan penyakit adalah daripada amalan seks bebas. Selebihnya, 5 orang responden mengatakan 'tiada'.

KAUNSELING KEAGAMAAN DAN KESEJAHTERAAN ROHANI (*SPIRIT*)

Jika mereka berakhir di jalan yang direda, misalnya sedang membaca al-Quran, bersembahyang, mengikut kelas agama, itu sebenarnya lebih baik daripada mereka mati di lorong hitam tanpa sempat bertaubat. Muammad Abdullah Al-Amin, pengendali pusat khas HIV/AIDS, lihat dalam "Penyelamat HIV, AIDS" dalam Berita Minggu Ahad 6 September 2009, h.6).

Memandangkan belum lagi dijumpai rawatan sebenar bagi penyakit AIDS, kaunseling untuk klien AIDS lebih kepada membuat persiapan diri dalam proses kematian dan ia amat diperlukan. Soalan "**adakah Keagamaan dan Kesejahteraan Rohani (*Spirit*) remaja masa kini boleh membantu untuk mencegah remaja tersebut daripada penyakit AIDS atau pembawa HIV?**" telah diajukan kepada responden. Soalan ini ditanya untuk mengenalpasti tahap keberkesanan agama yang dianggap bagi orang Melayu sebagai faktor terpenting pembentukan pandangan semesta remaja Melayu dan seterusnya menjadi asas kehidupan harian sama ada dalam amal ibadah, tingkahlaku dan akhlak. Didapati daripada **carta 1** seramai 74 orang responden bersetuju bahawa agama dan kesejahteraan rohani (*spirit*) dapat mencegah penyakit HIV/AIDS, manakala 16 orang responden tidak pasti dan 13 orang responden tidak bersetuju dengan pernyataan ini.

Carta 1. Respon Responden Bagi Soalan "Keagamaan dan Kesejahteraan Rohani (*Spirit*) remaja masa kini boleh membantu untuk mencegah remaja tersebut daripada penyakit AIDS atau pembawa HIV"



Kanselor perlu menjelaskan konsep qada dan kadar kepada responden. Mereka diminta agar jangan putus asa kerana pintu taubat sentiasa terbuka. Kegelisahan hidup pesakit AIDS dan pembawa HIV harus disuntik semangat ketaqwaan dan bertaubat kepada Allah SWT di atas dosa yang dilakukan. Kaunseling keagamaan terhadap pembawa HIV dan AIDS berteraskan kepada ayat al-Quran yang menjelaskan peranan agama dalam kehidupan seharian. Sebagai contoh, "*Wahai orang yang beriman, jika kamu bertakwa kepada Allah, nescaya ia mengadakan bagi kamu (petunjuk) yang membezakan yang benar dan salah dan menghapuskan kesalahan kamu serta mengampunkan (dosa-dosa) kamu dan Allah sememangnya mempunyai limpah kurnia yang besar.*" (al-Anfal: 29). Ayat ini menjelaskan bahawa berpegang teguh kepada nilai-nilai keagamaan dapat membentuk jati diri seseorang dan sekaligus seseorang tidak mudah dipengaruhi oleh amalan-amalan yang merosakkan diri mereka seperti melakukan hubungan seks tanpa nikah, terlibat dalam suntikan dadah yang boleh membawa kepada penyebaran HIV dan AIDS.

KESEJAHTERAAN ROHANI (*SPIRIT*) MAMPU MENCEGAH PERBUATAN MUNGKAR

Manusia dijadikan dengan sebaik-baik kejadian kerana jasad dan roh dapat melengkap di antara satu sama lain. Mengikut ahli sufi, roh, yang merupakan *lata'if rabbaniyyah*, lebih penting daripada jasad kerana ia adalah faktor menentukan kesejahteraan seseorang. Untuk memastikan pesakit AIDS dapat hidup dengan sempurna yang boleh meningkatkan harga diri dan seterusnya dapat mensejahterakan hidup mereka, maka amalan-amalan asas yang ditetapkan oleh agama harus dijadikan amalan harian. Prinsip asas dalam quran seperti "Sembahyang dapat mencegah seseorang melakukan perkara mungkar"

mempengaruhi remaja dalam menjawab soalan berkaitan sama ada agama dan kesejahteraan rohani mampu mencegah perbuatan mungkar atau sebaliknya. Rata-rata responden memberikan pandangan bahawa aspek keagamaan dan kesejahteraan rohani mampu mencegah seseorang individu daripada terlibat dengan perbuatan mungkar khususnya amalan seks bebas dan penyalahgunaan dadah.

Jadual 2: Petikan Hasil Temu Bual Bersama Responden

Agama	
Responden (R)	Hasil Temu Bual
R 8	...agama dan kesejahteraan rohani membantu generasi akan datang mencegah daripada penyakit AIDS / HIV.
R 52	...agama dan kesejahteraan rohani dapat mencegah remaja dari terjebak dalam pergaulan bebas dan dari ingin mencuba apa-apa jenis dadah sekalipun.
R53	...Dengan pengetahuan agama yang mendalam secara tidak langsung dapat mengelak dan menghindari remaja dari terjebak dengan gejala sosial dan tidak sihat

Responden kajian ini menekankan bahawa golongan remaja lebih terdedah dengan pergaulan bebas serta dipengaruhi perasaan ingin tahu yang tinggi. Oleh yang demikian, iman dan takwa sekiranya bertambah, seseorang remaja itu boleh menjadikannya sebagai benteng daripada melakukan perkara-perkara mungkar. Islam mengutamakan aspek pencegahan bagi mengelak pelbagai masalah yang mungkin timbul. Aspek pencegahan menjadi keutamaan dalam Islam bagi memelihara lima perkara iaitu agama, diri atau jiwa, keturunan, akal dan harta. Sekiranya lima perkara ini dipelihara dengan baik maka seseorang remaja itu berupaya menghindar diri dari terjerumus ke lembah kemaksiatan dan penagihan dadah yang sudah semestinya memberi impak yang buruk terutamanya kesihatan seterusnya gaya hidup dan juga ekonomi serta kekeluargaan.

KAUNSELING TENTANG KEESAAN TUHAN (TAWHID)

Dalam kajian ini didapati, konsep tauhid boleh dijadikan modul terpenting dalam kanseling keagamaan. Ini disebabkan konsep asas seperti percaya Keesaan Allah SWT, percaya kepada malaikat dan lain-lain, boleh memberi dan mempengaruhi tingkah laku responden. Contohnya, kepercayaan kepada Allah dan malaikat dapat mengurangkan Jinayah seperti pengambilan dadah dan berzina. Kepercayaan ini membawa kepada implikasi bahawa tidak ada tempat di dunia ini dilakukan tanpa pengetahuan Allah SWT. Semua amalan mereka dicatat oleh Malaikat. Dengan perkataan lain, rukun iman yang dapat mengawal segala tingkah laku manusia terutamanya sekiranya responden yakin terhadap hari akhirat

dan hari pembalasan. Sekiranya seseorang remaja itu beriman kepada hari akhirat dan hari pembalasan, sudah pastinya dia tidak akan melakukan perkara-perkara yang dilarang dalam Islam kerana takutkan hari pembalasan yang dijanjikan. Rata-rata responden memberi pandangan bahawa larangan-larangan yang telah digariskan dalam agama dapat mencegah seseorang individu yang beramal dengan agamanya untuk tidak terlibat dengan maksiat dan dadah. Antara pandangan responden yang mengatakan larangan-larangan agama mampu mencegah remaja terlibat dengan maksiat dan dadah adalah seperti berikut:

Jadual 3: Petikan Hasil Temu Bual Bersama Responden

Larangan Agama	
Responden (R)	Hasil Temu Bual
R 3	...Agama tidak mengajar kita untuk melakukan maksiat ataupun menyalahgunakan dadah.
R15	...Agama dan rohani melarang penganutnya terlibat dengan dadah dan seks bebas
R47	...Agama Islam melarang pergaulan bebas dan dadah dilarang oleh Islam

HUKUM SYARAK DAN TINGKAH LAKU

“Melalui Majlis Agama AIDS Malaysia- kita kena turun dengan geng-geng dia(diorang/ geng diorang ada ketua), kena berkenalan dengan mereka. Apabila kita tengok diorang 1st time, kita rasa diorang tidak patut dibantu, tidak hairan ada sesetengah pendapat mengatakan golongan ini wajar di hantar ke pulau. Namun, dalam konteks agama Islam mereka tidak wajar dipinggirkan. Sebenarnya, konsep Islam sudah elok dan ok tetapi pelaksanaannya adalah tidak berekesan...Khutbah agama yang disampaikan berekesan tetapi penagih dadah tidak hadir. Jadi mereka tidak akan dapat menyampaikan maklumat dan ilmu keagamaan kepada golongan ini”. (Komen tentang peranan agama oleh Prof. Madya Dato’ Dr. Faisal Hj. Ibrahim, Jabatan Kesihatan Komuniti, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia Faisal, temu bual 16 Ogos 2011).

Menjadi ajaran keagamaan seseorang harus berinteraksi antara satu sama lain. Islam begitu menekankan aspek bertegur sesama Islam. Ia merupakan permulaan dalam proses interaksi di antara satu sama lain. Sekiranya dapat dimanfaatkan, maka semestinya ia boleh membantu mempertingkatkan lagi kualiti hidup seseorang. Namun, Islam turut menggariskan batas-batas interaksi dan pergaulan terutamanya antara lelaki dengan perempuan. Dalam hal ini, Islam mahu pastikan pergaulan itu tidak membawa kepada perkara-perkara yang boleh menjurus kepada kemaksiatan. Selain daripada pergaulan, Islam juga, selaras dengan fitrah manusia, membenarkan seseorang berhias dan kelihatan cantik. Seperti didapati, keterlaluhan dalam perhiasan dan kecantikan seseorang terutamanya perempuan boleh membawa kepada fitnah. Dengan demikian, Islam telah

membuat batasan dan garis panduan sebagai langkah pencegahan kepada perkara-perkara yang akan mendatangkan kemudaratan di kemudian hari.

Muhammad Abdullah Al-Amin, Pengurus Pusat Khas HIV/AIDS berkata: "konsep kasih sayang dalam Islam perlu diterjemahkan melalui amalan dan praktikal, bukan sekadar menunggu dan berdoa". (Lihat dalam Penyelamat HIV, AIDS, dalam Berita Minggu Ahad 6 September 2009, h.6). Pengaruh dari kata-kata pengurus HIV dan AIDS dapat difahami apabila sebilangan responden telah ditugaskan menjalankan amalan kebajikan dan berbuat baik sesama mereka. Penilaian baik dan buruk dapat membantu golongan remaja untuk tidak bertingkah laku yang negatif. Dengan hukum dan syariat yang telah digariskan dalam agama menjadikan seseorang remaja itu untuk berfikir terlebih dahulu sebelum sesuatu tindakan diambil.

Jadual 4. Petikan Hasil Temu Bual Bersama Responden

Hukum & Syariat	
Responden (R)	Hasil Temu Bual
R 74	...Kekuatan jiwa/ rohani menjadi benteng kepada remaja dari terjebak dengan perbuatan yang tidak bermoral. Mereka dapat menilai kebaikan, kemudharatan sesuatu perkara berlandaskan hukum-hukum/ syariat dalam agama. Remaja yang mempunyai kekuatan rohani terdorong untuk melakukan kebaikan dan menjauhi kejahatan.
R83	...Keagamaan dan kesejahteraan rohani adalah elemen penting untuk membentuk keperibadian yang berkualiti. Apabila nilai keagamaan diterapkan dalam diri remaja masa kini, mereka akan mengetahui kebaikan dan keburukan apabila melakukan sesuatu perkara. AIDS atau pembawa HIV adalah penyakit yang digeruni masyarakat.
R23	...Dengan pendidikan agama kita boleh menilai yang baik atau buruk.

Amalan keagamaan berlandaskan hukum Islam yang melarang keras aktiviti kemaksiatan dapat membendung penularan penyakit HIV/AIDS. Larangan-larangannya dapat memberi faedah kepada makhluknya dan bukan kepada penciptanya. Sebagai contoh, larangan melakukan maksiat dan penglibatan dengan dadah adalah untuk memelihara kesihatan, keharmonian masyarakat, susun atur sosiobudaya dan memelihara keturunan. Sebagaimana Afzalur Rahman menjelaskan tentang ajaran Islam yang memenuhi setiap keperluan asas pengikut-pengikutnya.

"Rumusan Islam adalah secara legal dan bertanggungjawab secara moral bagi penyediaan basic needs terhadap anggota-anggotanya. Dan dia adalah keistimewaan tersendiri rumusan semacam itu bersamaan dengan pelayanan-pelayanan keperluan sosial, meletakkan tanggung

jawab pemeliharaan publik sebaik-baiknya. Tiap-tiap warganya dijamin basic needsnya"

(Afzalur Rahman 1988: 188)

DOA SEBAGAI PENYEMBUH DAN PENCEGAHAN

Dalam usaha meringankan beban yang ditanggung oleh pembawa HIV dan AIDS, berdoa merupakan kaedah spiritual paling berkesan. Ini kerana berdoa dapat mendekati seseorang dengan Allah SWT yang Maha Menyembuh segala penyakit yang dihidapinya. Sebagaimana sebuah hadis Rasulullah SAW dari Jabir bahawa Nabi SAW bersabda, maksudnya;

"Setiap penyakit ada ubatnya. Apabila penyakit telah bertemu dengan ubatnya, maka penyakit itu akan sembuh dengan izin Allah, Tuhan Yang Maha Perkasa dan Maha Agung"

(Riwayat Muslim)

Doa boleh dijadikan kaunseling terbaik pada masa kini. Umumnya mengetahui bahawa masih belum ada lagi perubatan moden yang mampu menyediakan ubat bagi penyakit HIV/AIDS. Sebagai seorang Muslim dengan berpegang kepada ajaran Nabi Muhammad SAW perlu sentiasa berdoa memohon penyembuhan daripada Allah SWT beserta dengan usaha untuk mencari rawatan kepada penyakit AIDS. Walaupun kaedah ini tidak dapat dibuktikan secara saintifik namun dengan berdoa seseorang individu itu dapat merasakan ketenangan dalam diri mereka justeru dapat mengurangkan sakit yang dihidapinya. Malahan secara saintifik menunjukkan pembawa HIV yang kurang mengalami tekanan akan melambatkan tempoh masa penderitaan penyakit AIDS. Sebahagian responden juga memberikan pendapat bahawa dengan berdoa adalah jalan terbaik untuk memohon penyembuhan daripada Allah SWT.

Jadual 5. Petikan Hasil Temu Bual Bersama Responden

Berdoa	
Responden (R)	Hasil Temu Bual
R 2	...HIV/AIDS tiada ubat, dengan agama kita boleh berdoa memohon kebaikan kepada Tuhan semoga penyakit kita sembuh.
R28	...HIV/AIDS tiada ubat melainkan berdoa dan bertawakal kepada Tuhan semoga penyakit kita sembuh.

Selain berdoa untuk memohon penyembuhan penyakit, doa juga merupakan usaha untuk menghindarkan diri daripada terjebak kepada perkara-perkara mungkar. Terdapat

responden yang menyatakan pandangan beliau berkenaan doa yang dapat menangkis segala kejahatan.

Jadual 6: Petikan Hasil Temu Bual Bersama Responden

Berdoa	
Responden (R)	Hasil Temu Bual
R 78	...Keagamaan membentuk moral seseorang. Agama merupakan pertahanan terhadap segala maksiat dan hasutan syaitan. Keagamaan mengajar seseorang tentang sesuatu yang baik.apabila terdapat hasutan atau suara syaitan yang menyuruh seseorang supaya terjurumus ke lembah kehinaan seperti zina, menagih dadah, doa dengan seikhlas hati mampu menangkis segala kejahatan dan dengan itu dapat memupuk seseorang yang suci, bersih dan sihat.

Diingatkan bahawa doa tanpa amalan adalah sia-sia. Maka, berdoa adalah ikhtiar setelah berusaha untuk mengawal diri daripada terjebak dengan perkara-perkara yang terlarang. Ikhtiar secara doa ini adalah permohonan kepada Allah SWT agar dengan izinnya kita tidak diberi ruang dan peluang untuk melakukan perkara-perkara mungkar. Ia juga bagi memohon kekuatan iman dan takwa agar tidak mudah leka dan lupa kepada Allah SWT apabila berdepan dengan hiburan dan keseronokan.

CARA JANGKITAN SELAIN SEKS DAN PENAGIHAN DADAH

Rata-rata responden yang tidak bersetuju dan tidak pasti bahawa agama dan kesejahteraan rohani dapat membantu mencegah penyakit HIV/AIDS menyatakan alasan mereka bahawa penularan penyakit ini tidak semestinya melalui jangkitan daripada amalan seks bebas dan penagihan dadah. Cara-cara lain seperti pemindahan darah dari pendermaan darah HIV serta bayi yang mendapat jangkitan daripada ibunya. Malahan cara-cara jangkitan lain seperti penyusuan susu ibu, cecair daripada air mata dan air liur, gigitan serangga penghisap darah seperti nyamuk, kutu kepala dan hama serta sebagainya lagi sebagaimana yang pernah dibincangkan pada bab sebelum ini. Jangkitan-jangkitan seumpama ini boleh berlaku kepada sesiapa sahaja walaupun seseorang itu bukan individu yang berisiko (penagih dadah, pekerja seks, pelaku seks bebas). Jangkitan-jangkitan ini tidak melibatkan amalan seks dan penagihan dadah yang dilarang perbuatannya dalam agama. Oleh yang demikian responden menyatakan ketidakpastian dan tidak bersetuju bahawa agama dan kesejahteraan rohani secara keseluruhannya dapat membendung penyakit HIV/AIDS.

Jadual 7. Petikan Hasil Temu Bual Bersama Responden

Cara Jangkitan Selain Seks Dan Penagihan Dadah	
Responden (R)	Hasil Temu Bual
R 85	...Walaupun penyakit AIDS/ HIV berpunca daripada perbuatan seks bebas dan perkongsian jarum suntikan (yang boleh dihalang menerusi agama), namun terdapat remaja yang mengidap AIDS/ HIV hasil daripada perwarisan daripada ibu ketika di dalam kandungan lagi ataupun jangkitan menerusi darah atau air liur daripada pembawa AIDS/HIV yang lain. Aspek keagamaan dan kesejahteraan rohani penting. Namun kaedah dan hasil penyelidikan serta perubatan perlu diutamakan.
R 67	...Kalau kita bukan pembawa HIV pun kita mungkin dijangkiti oleh sekeliling contoh: kemalangan, terluka dan terkena darah dari pembawa HIV.
R 99	...Saya menyatakan tidak pasti bahawa keagamaan dan kesejahteraan rohani dapat membantu mencegah remaja daripada AIDS atau pembawa HIV kerana saya mempunyai dua pandangan yang berbeza. Saya mempunyai pendapat yang sedemikian kerana AIDS berjangkit dengan pelbagai cara. Jika seseorang mempunyai agama dan kesejahteraan rohani mungkin mereka dapat mengelak AIDS yang berasal dari punca seperti seks bebas dan perkongsian jarum. Tetapi bagaimana pula jika pesakit tersebut mewarisi dari ibu ketika dalam kandungan.

PENCEGAHAN JANGKITAN HIV/AIDS BERGANTUNG KEPADA SIKAP INDIVIDU

Terdapat juga segelintir responden yang mengatakan ketidakpastian dan tidak bersetuju bahawa agama dan kesejahteraan rohani dapat mencegah penyakit HIV/AIDS dengan memberikan alasan bahawa perkara ini adalah bergantung pada diri individu itu sendiri. Mereka menyatakan bahawa masih terdapat sebilangan kecil mereka yang mengamalkan suruhan agama masih terjebak dengan perkara-perkara tidak bermoral dan terdapat juga di antara mereka yang turut mendapat penyakit HIV/AIDS.

Jadual 8. Petikan Hasil Temu Bual Bersama Responden

Pencegahan Jangkitan HIV/AIDS Bergantung Kepada Sikap Individu	
Responden (R)	Hasil Temu Bual
R 87	...Ini kerana tidak semua yang mempunyai penyakit AIDS atau pembawa HIV berpunca dari orang yang tidak berpegang teguh dengan agama. Ini banyak dipengaruhi oleh sikap individu itu sendiri.
R 84	...Bagi pendapat saya, seseorang yang kuat agama tidak semestinya dapat membantu untuk mencegah penyakit AIDS. Seseorang yang kuat agama tidak bermaksud dia dapat menahan nafsunya daripada melakukan dosa. Kita dapat lihat daripada ramai remaja sekarang walaupun sentiasa menunaikan semua sembahyangnya, namun mereka tetap melakukan perbuatan yang tidak bermoral seperti membuli, jenayah, mencuri dan sebagainya. Oleh itu, keagamaan dan kesejahteraan rohani remaja masa kini tidak boleh membantu untuk mencegah remaja daripada AIDS/HIV.
R 69	...Tidak semestinya orang yang mempunyai didikan agama yang tinggi tidak mustahil akan terjebak kepada penyakit AIDS.

Pengkaji berpendapat pandangan responden ini berdasarkan kepada pengalaman dan pemerhatian mereka. Memang benar terdapat juga individu yang kita lihat secara luarannya mengamalkan suruhan-suruhan agama namun kita tidak mengetahui dan tidak dapat menilai sejauh mana keimanan dan ketakwaan yang hanya nampak pada mata kasar kita sahaja yang boleh mencegah daripada HIV/AIDS. Pendapat responden-responden ini tiada salahnya. Di media-media cetak dan elektronik sendiri pernah memaparkan jenayah-jenayah yang dilakukan oleh seseorang yang bergelar ustaz atau ustazah yang sudah semestinya masyarakat mempunyai stereotaip bahawa golongan ini adalah golongan yang dihormati kerana memiliki dan mengamalkan ilmu agama. Namun kita sekadar manusia yang lemah yang tidak dapat menentukan tahap keimanan dan ketakwaan seseorang kerana kita tidak mengetahui apa yang ada di hadapan dan di belakang kita kecuali Tuhan Yang Maha Esa. Oleh yang demikian, agama tidak boleh dipersalahkan sekiranya perkara sebegini berlaku. Ajaran agama menyuruh kita melakukan segala suruhannya dengan hati yang ikhlas dan suci bersih serta dengan penuh ketaatan dan kepatuhan seluruh jiwa dan raganya. Sekiranya senario sebegini berlaku, semestinya individu tersebut telah melanggar larangan Allah SWT dan lari daripada landasan agama maka ia adalah atas dasar dirinya yang tidak mematuhi ajaran agama dan bukan disebabkan ajaran agama kerana ajaran Islam tidak pernah mengajar umatnya melakukan jenayah. Dr. Mujahid Bin Bakar, Pensyarah di School Of Health Sciences, Universiti Sains Malaysia, Health Campus, Kubang Kerian, Kelantan, telah memberi komen tentang keberkesanan agama Islam dalam pencegahan pencebaran HIV/AIDS dengan berkata:

Amalan keagamaan Islam berkesan untuk mengelak dan menghindari HIV, perangkaan statistik yang menunjukkan bahawa Melayu Islam di Malaysia, dan negeri Kelantan yang kedua tertinggi tidak menggambarkan bahawa pengamalan agama Islam tidak memberi kesan kepada pencegahan tersebut. Teori saya ialah, kena membezakan antara Islam, ajaran Islam dengan Muslim @ atau orang Islam, senario akhir zaman yang hanyut dengan fahaman material, kebendaaan dan hedonisme menghambat umat Islam sekarang, justeru kes-kes yang tinggi berlaku di kalangan umat Islam, kerana umat Islam tidak mengamalkan ajaran Islam yang sebenar. Pada kiraan saya, kemungkinan kes-kes tersebut berlaku kepada Muslim yang tidak solat, puasa dan tidak mengamalkan ajaran Islam. Saya kira muslim yang betul-betul mengamalkan ajaran Islam mampu untuk menghindari diri dari gejala tersebut. Cadangan saya, perlu ada kajian terhadap mereka yang terlibat dalam gejala tersebut, berapa peratuskah yang betul2 mengamalkan ajaran Islam. Konklusinya, perangkaan @statistik tersebut tidak boleh menjadi kayu ukur bahawa ajaran Islam yang suci ini tidak mampu untuk menghindarkan seorang muslim yang bertakwa dan beramal soleh untuk terjerumus dalam gejala moral seperti itu dan perlu membezakan antara ajaran Islam dan penganutnya. Ajaran Islam memang mampu untuk mengawal HIV / AIDS, segala suruhan dan ajaran yang di bawa oleh Nabi Muhammad, adalah suatu langkah pembendungan (prevention) yang paling afektif, kerana Islam adalah agama fitrah.

(Dr. Mujahid Bin Bakar,
Pensyarah di School Of Health Sciences,
Universiti Sains Malaysia,
Health Campus, Kubang Kerian, Kelantan)

PERSEKITARAN & HIV/AIDS

Sebilangan responden yang tidak pasti dan tidak bersetuju bahawa agama dan kesejahteraan spirit mampu mencegah daripada penyakit HIV/AIDS turut memberikan alasan bahawa sebenarnya persekitaran yang dapat mempengaruhi seseorang individu untuk berisiko mendapat penyakit ini. Pengaruh rakan sebaya dan perasaan ingin tahu serta ingin mencuba menjadi fokus pada jawapan responden-responden ini.

JADUAL 9. PETIKAN HASIL TEMU BUAL BERSAMA RESPONDEN

Persekitaran	
Responden (R)	Hasil Temu Bual
R 86	...Sebab, kebanyakan remaja sekarang dipengaruhi oleh rakan sebaya.
R95	...Hal ini saya katakana tidak pasti kerana kesedaran tentang keagamaan dan kesejahteraan rohani pada pendapat saya terdapat 2 jenis iaitu dari dalam dan hanya mengikut jejak langkah persekitaran. Jika kesedaran agama betul-betul dari dalam diri, ya saya sangat bersetuju ia boleh membantu mencegah daripada penyakit ini. Jika tidak, sama sahaja, mereka hanya Nampak elok di luar tetapi di dalam diri tetap sama dan boleh menjangkiti penyakit ini. Saya amat menyeru supaya pendidikan awal di rumah sangat berpengaruh kepada jiwa remaja.
R102	...Keadaan ini adalah kerana sesetengah remaja masa kini mempunyai keagamaan yang baik dan sesetengah tidak mempunyai nilai keagamaan dan rohani yang cukup. Keadaan persekitaran juga boleh mempengaruhi diri remaja kerana sifat remaja yang ingin mengetahui dan mencuba sesuatu yang baru yang boleh menyebabkan remaja berkemungkinan medapat HIV/AIDS.

Oleh sebab demikian, Islam begitu mementingkan pemilihan rakan dalam pergaulan seharian. Ini kerana pengaruh rakan begitu besar sehingga dikatakan bahawa ia dapat membentuk personaliti seseorang individu. Bahkan Rasulullah SAW turut bersabda yang bermaksud;

“Seseorang itu adalah mengikut agama temannya, oleh itu hendaklah seseorang itu meneliti siapa yang menjadi temannya”

(H.R Abu Daud)

Tambahan pula remaja yang dipercayai pada peringkat umur ini banyak menjadikan rakan mereka sebagai pengaruh dalam tindakan mereka. Pada peringkat umur ini, remaja banyak menghabiskan masa di sekolah dan aktiviti-aktiviti sosial yang mana masa-masa ini dipenuhi bersama rakan sebaya mereka.

“Kawan-kawan menjadi orang yang rapat dengan mereka. Kawan yang baik, boleh membimbing mereka kepada kebaikan, namun jika tersilap memilih kawan, akan mempengaruhi mereka kepada perkara-perkara yang buruk. Selain itu sikap remaja turut menyumbang kepada gejala sosial, kadangkala mereka ini terlalu mudah dipercayai orang lain. Umpamanya, jika mereka merasakan rakan-rakan mereka lebih rapat dan lebih memahami, dengan mudah mereka akan mengikut apa yang

dilakukan oleh rakan-rakan. Mereka lupa bahawa “kawan juga kadangkala boleh makan kawan”. Dalam keadaan ini ramai para remaja terjerumus ke dalam gejala sosial.”

(Suhaini Bt Ismail,
Pengarah PUSPEN Jeli,
wawancara pada 4 September 2011)

Oleh yang demikian, pemantauan ibu bapa terhadap pemilihan rakan oleh anak-anak mereka adalah penting terutama pada usia remaja kerana pada usia ini mereka cenderung untuk meniru perbuatan yang disukai serta timbul perasaan ingin tahu dan ingin mencuba.

“Remaja ialah mereka yang berumur 18 tahun ke bawah. Pada peringkat usia ini, mereka mempunyai perasaan ingin tahu yang tinggi. Justeru apa-apa sahaja perkara baru yang terjadi di sekeliling mereka, akan mengundang perasaan ingin tahu di kalangan remaja. Secara tidak langsung membuatkan mereka terdorong untuk mencuba dan melakukan perkara-perkara tersebut”

(Suhaini Ismail,
Pengarah PUSPEN Jeli,
wawancara pada 4 September 2011)

Ibu bapa perlu mengambil peranan mereka dengan siapa rakan kepada anak-anak mereka agar masalah-masalah sosial dapat dibendung. Malahan ibu bapa pada usia remaja anak-anak perlu berperanan bukan hanya sebagai ibu bapa namun bertindak sebagai rakan mereka supaya kehadiran ibu bapa ini dapat dirasai oleh para remaja. Ini selari dengan saranan Rasulullah SAW yang mengajar agar pada usia anak-anak sedang meningkat remaja, ibu bapa perlu menjadikan anak-anak mereka sebagai rakan mereka.

KESIMPULAN

Hasil dapatan kajian telah menunjukkan kaunseling keagamaan penting dan perlu diberikan kepada golongan yang bermasalah ini. Hal ini kerana mereka wajar diberikan peluang untuk mendapat suntikan semangat, kata-kata nasihat dan ilmu pengetahuan tentang agama Islam. Majoriti responden juga bersetuju bahawa keagamaan dan kesejahteraan spirit mampu untuk mencegah penyakit yang semakin menular masyarakat dewasa ini. Dengan mengamalkan ajaran seperti mengamalkan solat, berdoa serta bertawakkal kepada Allah SWT akan mampu meningkatkan ketakwaan umat Islam dan dapat mencegah diri mereka daripada melakukan kemungkaran khususnya amalan seks bebas dan penyalahgunaan dadah.

IMPLIKASI DAN CADANGAN

Hasil kajian memberi implikasi bahawa mangsa HIV/AIDS serta golongan yang bermasalah ini masih mempunyai ruang dan peluang untuk menikmati kehidupan yang masih bersisa ini. Pemahaman dan pegangan agama yang diaplikasi dalam kehidupan seharian akan dapat memberi peluang kepada mereka untuk mengelakkan diri daripada

terus menjadi mangsa kepada penyakit yang amat digeruni manusia sejagat. Oleh kerana pegangan agama adalah elemen utama ke arah kesejahteraan spirit (kerohaniah), maka program yang berbentuk keagamaan yang memberi fokus kepada golongan bermasalah ini perlu diperbanyakkan. Kaunseling keagamaan ini boleh dianjurkan oleh badan bukan kerajaan dan kerajaan yang mendapat kerjasama PUSPEN mengikut keperluan dan kesesuaian penghuni-penghuni PUSPEN. Melalui cara seumpama ini masa mereka yang masih berbaki boleh dimanfaatkan dengan aktiviti menambah pengetahuan berkaitan keagamaan di samping aktiviti lain yang dapat memberi ilmu pengetahuan mengenai HIV/AIDS yang boleh dicegah dari terus merebak dalam kalangan ini. Di samping itu juga, pendidikan kaunseling amat digalakkan dilaksanakan ke atas mereka yang bermasalah agar mereka masih percaya kepada diri sendiri serta masyarakat sekeliling dan boleh meneruskan kehidupan mereka dengan semangat yang baru agar mereka tidak cepat berputus asa dan berserah kepada takdir semata-mata.

BIBLIOGRAFI

- Abramson, P.P. & Herdt, G. (1990). "The Assessment of Sexual Practices Relevant to The Transmission of AIDS: A Global Perspective" dalam *Journal of Sex Research*. 27, h. 215-232.
- Anupong Chtwarakorn. (2004). "HIV/AIDS and Sexually-Transmitted Infections in Thailand: Lessons Learned and Challenges Ahead" in *Aids in Asia: The Challenge Ahead*. New Delhi: World Health Organization.
- Arunya, T & John, R (2005). "Psychological Well-Being of Thai Drug Users: Implications for Prevention" dalam *International Journal for The Advancement of Counseling*. 27(3), h. 431-444.
- al-Attas, S.M.N. (1978). *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: ABIM.
- al-Attas, S.M.N. (1980). *The Concept of Education: A Framework for Islamic Philosophy of Education*. Kuala Lumpur: ABIM.
- al-Attas, S.M.N. (2002). (*Ma'na Kebahagiaan dan Pengalaman dalam Islam*) (trj. Muhammad Zainiy Uthman). Kuala Lumpur: ISTAC.
- Faisal Tehrani. <http://anwaribrahimdotcom.blogspot.com/2009/10/salah-siapa-kadar-hiv-dikelantan.html>.
- Goo Keh Hong @ Goh Keng Hong. (2003). Tahap Pengetahuan, Sikap dan Amalan yang Berkaitan dengan HIV/ AIDS di Kalangan Pelajar Cina di Sekolah Menengah Taman Sinar Jaya 1, Johor Bharu, Johor. Tesis B.S (Pemakanan dan Kesihatan Komuniti) Universiti Putra Malaysia.
- KPTM. (2007). *Kemasukan Pelajar Di IPTA Mengikut Jantina dan Tahap Pengajian, Tahun 2006*. Malaysia: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Lance, L.M, Morgan, M & Columbus, S. (1998). "Assessment of Student's Knowledge" dalam *College Student Journal*. Vol. 32 (2), h. 179-190.
- Malaysian AIDS Council. (2007). *AIDS in Malaysia*. Malaysia: AIDS/STI Unit Ministry of Health Malaysia.
- Malaysian AIDS Council. (2008). HIV/AIDS Basic [Internet]. Available: <http://www.mac.org.my/hhivbasic.htm> (2 Mac 2008).
- Mujahid Bakar. 29 Mei 2011 di School Of Health Sciences (Pensyarah), Universiti Sains Malaysia, Health Campus, Kubang Kerian, Kelantan.
- Ong Hooi Bee. (1998). Konsep Kendiri dan Tahap Pengetahuan dan Sikap terhadap HIV/AIDS di Kalangan Pelajar Tingkatan Empat Sekolah Menengah Tracisian Convent, Ipoh. Tesis B.S. (Pemakanan dan Kesihatan Komuniti). Universiti Putra Malaysia.

- Parker R., Aggleton P., Attawell K., Pulerwitz J. & Brown L. (2002). *HIV/AIDS-Related Stigma and Discrimination: A Conceptual Framework and An Agenda for Action*. The Population Council.
- Payne I. R., A. E. Bergin, K.A. Bielema & P.H. Jenkins. (1991). "Review of Religion and Mental Health: Prevention and The Enhancement of Psychosocial Functioning" dalam *Prevention in Human Services*. 9, h. 11-40.
- Roziah Omar & Sivamurugan Pandian. (2005). *Malaysia Isu-Isu Sosial Semasa*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Ruslin Nordin et al., (1997) *AIDS: Suatu Pendekatan Bersepadu di Malaysia*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Sayce L. (1998). "Stigma, Discrimination and Social Exclusion: What's in A Word?" dalam *Journal of Mental Health*. 7, h. 331-343.
- Suhaini Ismail. 4 September 2011 di Pengarah/Komandan, PUSPEN Jeli, Kelantan.
- Swarup Sarkar, Anindya Chatterjee & Anne Bergenstrom. (2004). "Drug-Related HIV in South and South-East Asia, in *Aids in Asia: The Challenge Ahead*" dalam Jai P. Narain (Ed.). New Delhi: World Health Organization.
- Tina Uys. (2002). "Student, Sex and AIDS: A Methodology Controversy. Department of Sociology" dalam *Journal of Society in Transition*. Vol. 33 (3): HIV/AIDS. South Africa: Raw Afrikans University.
- Umaruddin, Muhammad. (1970). *The Ethical Philosophy of al-Ghazzali*. Lahore: Sh. Muhammad Ashraf.
- UNAIDS. (1999). *Kaunseling dan Ujian HIV Secara Sukarela untuk Ibu-Ibu Mengandung di Negara-negara yang Mempunyai Prevalens HIV yang Tinggi*. Joint Programme of United Nation and World Health Organization. Geneva.
- UNAIDS. (2006). *Global Summary of The AIDS Epidemic*. Joint Program of United Nation and World Health Organization. Geneva.
- Wan Mohd. Nor Wan Daud. (2001). *Pembangunan di Malaysia: Ke Arah Satu Fahaman Baru yang Lebih Sempurna*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- WHO. (2005). *Joint ILO/WHO Guidelines on Health Services and HIV/AIDS*. World Health Organization.
- Wong, L.P., Low, W.Y. & Jaafar, N. (2007). HIV/AIDS Related Stigma, Discrimination and Negative Attitudes: Findings from A Nationwide HIV/AIDS Survey. Thesis of Master in Public Health. Universiti Malaya.